



SEMINAR KEBANGSAAN  
ADAT PEPAHIT &  
WILAYAH BUDAYA  
NEGERI SEMBILAN  
3 - 5 • MEI • 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR.

PENGHIJRAHAN ORANG MELAYU NEGERI  
SEMBILAN DALAM ZAMAN PEMBANGUNAN

(ABDU SAMAD HADI)



Anjuran Bersama:  
Universiti Pertanian Malaysia,  
Kerajaan Negeri Sembilan, dan  
Kementerian Kebudayaan, Belia  
dan Sukan, Malaysia.

Penghijrahan Orang Melayu Negri Sembilar  
Dalam Zaman Pembangunan

Abdul Samad Hadi  
Jabatan Geografi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi.

Kertas Untuk Seminar Adat Perpatih Dan Wilayah  
Budaya Negri Sembilan, 3 - 5 hb. Mei, 1984,  
Pusat Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan,  
Universiti Pertanian Malaysia, Serdang,  
Selangor.

## Pengenalan

Kawasan luar bandar dan majlis tempatan kecil di Negeri Sembilan, sebagaimana juga dengan pengalaman desa di negeri-negeri lain di Malaysia dan di negara sedang membangun, kehilangan sejumlah besar anak-anak muda setiap tahun. Anak-anak muda tersebut meninggalkan kampung halaman untuk mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah bandar atau mencari pekerjaan bukan pertanian di bandar-bandar utama, dan juga menyertai kehidupan di perkampungan baru FELDA.

Pengaliran anak-anak muda menuju tempat-tempat tersebut kerana tujuan tertentu mungkin merupakan satu arah pengaliran yang berlaku hanya dalam dekad kebelakangan ini. Bagaimanapun, dari maklumat-maklumat yang terdapat ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pengaliran anak-anak muda di kalangan masyarakat desa Negeri Sembilan sudah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Bentuk-bentuk pengaliran itu adalah berbeza dari bentuk-bentuk yang didapati sekarang kerana, antara lain, bandar-bandar sekarang belum wujud di Semenanjung ini pada ketika itu. Bagaimanapun sejak 150 ratus tahun kebelakangan ini bentuk-bentuk pengaliran itu telah mengalami perubahan sejajar dengan perubahan yang dialami oleh masyarakat desa di negara ini. Sungguhpun begitu terdapat satu ciri kesenambungan dalam struktur pengaliran tersebut yang mungkin telah terus wujud berkekalan sejak dahulu lagi. Ciri tersebut menunjukkan bahawa anak muda yang keluar meninggalkan kampung itu berbuat demikian jarang-jarang sekali dengan tujuan untuk memutuskan langsung hubungan dengan kampung asalnya.

Kertas ini akan menghuraikan pola-pola dalam pengaliran penduduk desa Negeri Sembilan dalam dekad-dekad pembangunan sambil cuba memahami perubahan dan kesinambungan pada pola-pola pengaliran. Selepas itu ia cuba memberikan penjelasan supaya bentuk-bentuk tersebut dapat difahami dengan harapan implikasi polisinya dapat disorot bagi tugas perancangan pembangunan masyarakat seterusnya.

Pola-Pola Pengaliran Penduduk Desa Negeri Sembilan,  
Perubahan Dan Kesenambungan.

Orang asli di hutan dan pergunungan Negeri Sembilan terlibat dalam pergerakan serkular (circulation) antara rumah kediaman dan tempat pertanian pindah atau kegiatan pengumpulan semasa sebelum dan semasa pemerintahan Inggeris. Mereka merayau-rayau tanpa apa-apa sekatan untuk mengumpul makanan dan memburu binatang makanan. Sementara itu kumpulan-kumpulan yang lebih kekal menjalankan pertanian pindah (Pelzer, 1945; Ooi, 1976). Pada bila-bila masa pemburuan mungkin menggalakkan mereka bergerak beberapa kilometer dari rumah. Petani-petani pindah pula tidak dapat bergerak jauh dari kebun-kebun mereka kerana tanaman mereka perlu dijaga rapi, segala hasil yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan penduduk di situ. Ini bererti yang pergerakan untuk perdagangan tidak kedapatan dalam suasana pengeluaran tersebut itu.

Sebelum kedatangan kolonial Inggeris ditanah beralun sepanjang lembah-lembah Sungai Serting-Terachi-Muar dan Linggi, misalnya, petempatan-petempatan kekal orang-orang Melayu terus

berkembang dan masyarakatnya menjalankan kegiatan pertanian padi sawah. Orang Melayu ini sebahagian besarnya terdiri dari migran daripada kawasan Menangkabau di Sumatera (Abdul Samad Idris, 1968). Pergerakan harian penghuni kampung-kampung ini adalah terhad kepada perjalanan berulang alik dari rumah ke sawah padi dan kerap juga ke hutan-hutan untuk mendapatkan bahan-bahan keperluan kehidupan seperti kayu untuk perumahan, daun rumbia untuk atap dan rotan untuk dijadikan perabut atau tali bagi ikat mengikat.

Pengaliran ke tempat-tempat lebih jauh mungkin juga telah berlaku terutamanya dikalangan migran yang baru datang dari Sumatera. Di setengah-setengah kawasan Negeri Sembilan migran itu mungkin telah mula sampai sejak zaman Kerajaan Melaka lagi. Apabila penduduk di petempatan yang kekal itu terus meningkat sebahagian daripada mereka akan terus berpindah membuka kampung baru di pedalaman terutamanya disepanjang sebelah hulu lembah sungai. Secara keseluruhan penduduk desa di Negeri Sembilan beredar di dalam dan diantara satu kampung dan kampung lain.

Pola pengaliran serkuler yang mudah dizaman pra kolonial itu mengalami perubahan yang mendalam semasa pemerintahan kolonial Inggeris. Penaklukan kolonialisme telah memasukkan Tanah Melayu ketika itu ke dalam sistem kapitalist kolonial dunia, dan kaitan tersebut telah menggerakkan berbagai perubahan dikalangan masyarakat tempatan. Masyarakat Melayu Negeri Sembilan tidak terasing dari mengalami perubahan tersebut.

Perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu telah berpunca dari falsafah, polisi dan strategi pengurusan kolonial terhadap tanah Melayu. Furnivall (1948) menulis tentang penalukan Indonesia oleh Belanda menjelaskan bahawa kolonialisme berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Metropolitan. Dalam suasana tersebut Tanah Melayu ketika itu dieksploitasi secara sistematis, dan ekonomi serta politiknya terus tertakluk di bawah pengawasan pihak metropolitan. Untuk memahami bagaimana perubahan-perubahan tersebut mempengaruhi pengaliran penduduk memerlukan penelitian secara ringkas kegiatan-kegiatan dan kesan pentadbiran kolonial Inggeris di Tanah Melayu.

Diantara polisi-polisi yang membawa kesan terus kepada pengaliran serkular penduduk menumpu kepada polisi dan pentadbiran tanah. Pemilikan tanah ditentukan menerusi polisi tanah kolonial. Menerusi polisi ini semua tanah diukur dan kepingan tanah tersebut boleh dijual beli. Konsep pemilikan tanah tradisional berubah dengan sepenuhnya. Beberapa kemungkinan boleh berlaku berikutan dengan tindakan ini. Pertama keadaan baru ini membolehkan orang kaya di kampung-kampung memilekki tanah yang berlebihan. Kedua, keluarga yang miskin tidak akan dapat membeli tapak rumah sementelahan pula untuk membeli kawasan pertanian. Ketiga orang-orang Melayu boleh menjual tanah kepada sesiapa yang boleh membayar harganya. Dalam perubahan ini keluarga-keluarga miskin di desa akan menghadapi kegentingan hidup di desa sendiri, yang lambat laun akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap pilihan-pilihan lain dari terus tinggal kekal di kampung.

Kapitalisma kolonial juga mencetuskan perubahan-perubahan lain. Pelaburan dari Metropolitan telah membangunkan kegiatan industri perlombongan bijih yang boleh diusahakan dengan mudahnya kerana longgokan bijih didapati berhampiran dengan permukaan bumi di lembah-lembah sepanjang kaki pergunungan dan tanah pamah sebelah barat Banjaran Gunung Titiwangsa. Seiring dengan pembangunan perlombongan, estet getah dicuba dan kemudian diperluaskan. Supaya kegiatan-kegiatan tersebut dapat ditadbir dan diawasi bandar-bandar didirikan sebagai pusat pentadbiran dan pengumpulan bahan-bahan pengeluaran tempatan. Pada banci penduduk tahun 1911 didapati satu sistem bandar-bandar telah berkembang untuk mengumpulkan segala hasil tempatan dan pentadbiran segala pelusuk Tanah Melayu. Estet di Negeri Sembilan Timor dan perlombongan di kawasan Sungai Ujong dihubungkan dengan jalan-jalan berturap untuk semua musim ke bandar-bandar tadi. Dalam masa yang sama kemudahan-kemudahan pelajaran menengah terutamanya aliran Inggeris, kesihatan dan sebagainya dikembangkan di bandar-bandar Seremban, Kuala Pilah, Tampin dan Kuala Kelawang. Turut serta dalam trend perubahan tersebut petani Melayu di lembah-lembah sungai menanam getah secara kecilan di tanah-tanah lereng bukit biasanya di kawasan menghala kebelakang rumah-rumah mereka. Kesan keseluruhan dan kesemua perkembangan di atas dapat disenaraikan seperti berikut;

1. Penanaman getah secara kecilan menjadikan petani Melayu sara diri pengusaha kebun kecil serentak. Secara langsung petani ini dibawa masuk ke dalam sistem ekonomi kapitalis barat dan kesejahteraan mereka dari segi pemilikan wang amat bergantung kepada kesegaran pasaran getah di London.

Jadi turun naiknya taraf kewangan petani di desa akan ditentukan oleh permintaan getah di pasaran dunia, yang mereka tidak mempunyai apa-apa peranan bagi menentukan paras harga hasil mereka.

Satu kesan lain ialah penanaman getah secara kecilan memberikan asas untuk mendapatkan kewangan yang boleh digunakan bagi membiayai kos perpindahan. Secara langsung ekonomi petani yang telah mengalami perubahan utama itu boleh meningkatkan kemungkinan untuk petani bergerak dengan lebih selesa.

2. Pembangunan bandar dan kawasan perlombongan, serta pembentukan berbagai perkerjaan dalam pentadbiran kolonial membuka dan memperluaskan asas peluang pekerjaan. Walaupun petani desa di Negeri Sembilan mempunyai kesampaian kepada pekerjaan berstatus rendah sahaja, seperti sebagai buruh kasar, tukang kebun, polis biasa, dan sebaik-baiknya kerani. Memandangkan kerja-kerja pengkeranian itu memerlukan sekurang-kurangnya kelulusan bahasa Inggeris dan kebanyakan anak-anak petani hanya menerima pelajaran rendah Melayu maka penglibatan petani dalam pekerjaan "berkolar putih" ini amat kurang. Dalam keadaan ini pengaliran petani ke bandar dan ke kawasan "enclave" barat itu untuk melibatkan diri dalam kegiatan "berkolar biru". Kerana itu pengalirannya tidak pernah kekal. Perlakuan sedemikian mungkin disebabkan oleh keperluan ekonomi supaya mereka akan dapat balik ke kampung



sebagai satu jaminan dalam ketika kesempitan dalam kehidupan harian.

3. Perkembangan jalan-jalan perhubungan kolonial, walaupun dibina untuk memenuhi keperluan ekonomi dan pentadbiran kolonial itu, memudahkan petani untuk bergerak dengan mudahnya dari satu kawasan dengan kawasan selainnya. Jalan-jalan menarik petani dari kawasan jauh di pedalaman untuk meletakkan pertempatan di sepanjang jalan (Ooi, 1976). Lebih dari itu, penduduk di sekitar jalan-jalan tersebut boleh bergerak dari satu tempat dengan tempat-tempat lain. Oleh itu jalan-jalan perhubungan meningkatkan kadar mobiliti petani-petani.
4. Polisi buruh kolonial juga mempunyai kesan yang tidak langsung kepada mobiliti petani Negeri Sembilan. Oleh kerana estet-estet getah dan kawasan perlombongan bijih dikendalikan dengan bantuan penuh buruh yang dibawa dari luar Semenanjung penglibatan orang Melayu terhadap kegiatan tersebut adalah pinggiran sahaja. Bagi segelintir bilangan yang dapat melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan itu terpaksa terus beredar dari kampung asal ke "enclave" kolonial itu kerana keberlinaan keadaan masyarakat yang terpaksa dicampuri.
5. Kesampaian kepada kemudahan-kemudahan awam seperti hospital terus membaiki kesihatan masyarakat. Walaupun penggunaannya masih lagi pinggiran dikalangan petani ketika itu kesannya amat nyata dari segi

peningkatan pertambahan penduduk berikutan dengan penurunan kadar kematian dan membaiki kadar fertiliti. Peripentingnya pertambahan penduduk ini dapat dikesan dari segi tekanan yang wujud terhadap tanah pertanian. Setiap keluarga mengusahakan sawah padi yang kecil sepenuhnya untuk menyara semua ahli keluarga. Buruh untuk sawah padi mudah didapati kerana anak-anak muda masih ramai kekal di kampung. Pertambahan penduduk seterusnya di kampung-kampung menggentingkan keadaan di kampung-kampung.

Secara ringkas, sehingga musim peperangan dunia kedua kapitalisma kolonial Inggeris telah dapat membawa berbagai perubahan berpunca dari pelaburan kolonialisma telah meningkatkan kemungkinan bagi petani untuk berpindah ke bandar dan "enclave" kolonial. Dari Jadual 1 kelihatan bahawa di Semenanjung Tanah Melayu petani Melayu telah menceburi diri dalam kegiatan kolonial walaupun bilangan mereka yang terlibat itu adalah kecil. Penglibatan orang-orang Melayu di Negeri Sembilan juga boleh dianggarkan sebagai menunjukkan keadaan yang serupa. Penglibatan orang-orang Melayu Negeri Sembilan dalam pekerjaan sedemikian bagaimanapun memerlukan mereka terus kekal di tempat pekerjaan sepanjang tahun-tahun mereka bekerja itu. Sebahagian dari mereka mungkin telah terus menetap di bandar tetapi sebahagian besar balik ke kampung untuk bersara.

Disamping pengaliran di atas pengaliran antara kampung-kampung juga berterusan. Pengaliran itu mungkin untuk satu jangka yang pendek, satu musim atau lebih pendek dari itu mengikut edaran hasil pertanian.

Jadual 1


Pekerjaan Dikalangan Orang Lelaki  
Yang Bekerja Dikalangan Penduduk  
Semenanjung Malaysia, 1931 Menurut  
Kaum

Pekerjaan	Jumlah	Melayu	% ke satu-satu jenis
Profesional dan Teknik	21895	8097	36.9
Pentadbiran, Pengurus	9057	3017	33.3
Pengkeranian	29090	4584	15.7
Penjualan	120449	10988	9.1
Perkhidmatan	87079	13451	15.4
Pengangkutan dan Perhubungan	73364	23155	31.5
Pengeluaran & Pembuatan	102188	14118	13.8
Perlombongan	77220	1149	1.4
Buruh	112079	15257	13.6
Pertanian	875122	442.285	50.5
Tidak dilaporkan	7194	957	13.3
Jumlah Bekerja	1514737	537058	
Jumlah Penduduk (000)	3788	1864	49.2


Sumber, disesuaikan dari Hirschman, 1975. (Lampiran).

Musim peperangan dan penalukan tentera Jepun 1940-1945 menimbulkan pola pengaliran yang berlainan. Keadaan yang penuh kekacauan ketika itu memusnahkan kebanyakan kegiatan ekonomi Semenanjung. Secara umum sebahagian besar orang dewasa telah dikerah untuk bekerja dari sebahagian masa bekerja mereka untuk pembinaan jalan, padang kapal terbang di Timor Negeri Sembilan dan lain-lain. Pengaliran berbentuk pelarian juga berlaku untuk mengelakkan kekacauan yang timbul. Keadaan ini pulih semula selepas peperangan.

Perubahan yang lebih menyeluruh dialami oleh masyarakat desa selepas peperangan dunia itu dan ini mempengaruhi pola mobiliti dikalangan petani-petani. Sambil keadaan peperangan itu beransur pulih dan masyarakat desa kembali semula ketahap perkembangan yang lampau dua kejadian berlaku ketika ini. Kejadian tersebut seolah-olahnya telah "melepaskan" petani di kampung-kampung Negri Sembilan untuk "berselerak" keluar. Pertama ialah pengishtiharaan musim dharurat dan kedua kebangkitan untuk menuntut kemerdekaan. Berkaitan dengan kejadian yang pertama dua keadaan telah berkembang untuk memberi galakan kepada peningkatan orang Melayu di Negeri Sembilan. Pertama apabila Majlis Pentadbiran Persekutuan diberitahu pada tahun 1948 bahawa pasukan keselamatan negara tidak akan menerima bantuan dari luar (Short, 1975, 113) kerajaan ketika itu telah menggalakkan penubuhan dan pengembangan askar, polis hutan, polis biasa bagi menentang pasukan komunis. Laporan Negri Sembilan (1949, 21) menunjukkan bahawa pengambilan orang-orang Melayu untuk polis telah menyerap hampir kesemua pekerja untuk kegiatan-kegiatan ekonomi estet. Anak-anak muda yang semakin ramai terkumpul di kampung telah mengambil peluang ini dan terus meninggalkan kampung. Kedua, kumpulan komunis itu dapat diatasi sekiranya sokongan penduduk yang bertaburan di perdalaman ketika itu dapat dimusnahkan menerusi penempatan semula di kampung-kampung baru. Sebahagian dari jumlah keluarga yang ditempatkan semula itu terdiri dari orang-orang Melayu. Mereka dipindahkan ke kampung-kampung berhampiran dengan Balai Polis atau yang mempunyai lebih ramai penduduk. Penglibatan dalam pengaliran ini memerlukan orang-orang ini tinggal lebih lama di tempat mereka bekerja. Sungguhpun begitu mereka terus juga mengekalkan ikatan dengan kampung asal mereka.



Kadar Migrasi Keluar (Seumur Hidup)  
Tahun 1947-1970



Kadar Migrasi Bersih (Seumur Hidup)  
Tahun 1947-1970


Rajah I: Kadar-Kadar Migrasi Keluar dan Migrasi Bersih Seumur Hidup Bagi Semua Negeri di Semenanjung Malaysia, 1947-1970.

Kemerdekaan dicapai dalam tahun 1957. Polisi kerajaan baru merdeka itu membawa perubahan yang lebih meluas dan langsung. Tumpuan diberi kepada pemuliharaan ketidakseimbangan dalam pembangunan di Semenanjung bukan sahaja pada keseluruhan ruang ekonomi Semenanjung tetapi juga dikalangan etnik dan desa dan bandar dari semenjak zaman kolonial dahulu. Untuk membaiki keadaan tersebut kerajaan yang baru merdeka itu membentuk strategi-strategi khusus. Pembangunan luar bandar diasaskan kesempaian petani kepada berbagai kemudahan bandar pelajaran dan pekerjaan di bandar diperluaskan. Kumpulan pekerja desa dari seluruh Negri Sembilan telah mengalir ke arah pekerjaan ini.

Secara ringkas, sehingga tahun-tahun kebelakangan ini pola pergerakan penduduk desa telah berubah bukan sahaja pengaliran itu menunjukkan destinasi yang lebih berbagai iaitu desa, bandar dan kawasan pertanian baru tetapi pengaliran tersebut melibatkan jarak yang lebih panjang dan kawasan yang lebih luas. Jangkamasa mereka berada di luar kampung pun menjadi lebih lama. Sungguhpun begitu hubungan mereka dengan kampung tetap diteruskan. Oleh itu terdapat perubahan dan kesinambungan dalam bentuk pengaliran penduduk desa Negri Sembilan.

#### Pengaliran Tenaga Kerja Semasa Pembangunan

Perubahan sosial, ekonomi dan politik di Semenanjung Malaysia selepas merdeka telah membawa perubahan kepada bentuk mobiliti. Polisi kerajaan yang baru merdeka itu telah meluaskan kemungkinan penyertaan masyarakat Melayu dalam berbagai bentuk pengaliran.



Rajah 2: Pengaliran Migran Seumur Hidup Antara Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun pemerhatian ini adalah sukar untuk ditunjukkan secara empiri kerana data amat sukar diperolehi terutamanya data tentang bentuk pengaliran bagi mendapatkan gambaran menyeluruh dikeseluruhan negara. Pemeriksaan maklumat tentang perpindahan dari banci-banci penduduk menunjukkan bahawa maklumat tersebut kurang memuaskan kerana pengutipannya adalah untuk tujuan tertentu<sup>1</sup>. Maka konsep, kaedah dan operasinya adalah berbeza sekali dari tujuan dan keperluan kajian seperti tujuan kertas ini. Dalam keadaan serba kekurangan maklumat dari banci itu masih boleh digunakan untuk menunjukkan pola-pola umum perpindahan diperingkat makro. Dalam Rajah 1 bahagian atas kelihatan bahawa orang Melayu Negeri Sembilan keluar dengan ramainya berbanding dengan orang Melayu dari negeri-negeri lain sejak tahun 1947 hingga 1970.


Trend ini kelihatan semula pada pola kadar perpindahan bersih penduduk Melayu 1947-1970. Sementara itu saiz pengaliran antara negeri-negeri di Semenanjung ditunjukkan dalam Rajah 2. Dalam banci penduduk 1970 kira-kira 53 peratus orang Melayu dari sejumlah 953 680 terlibat dalam pengaliran seumur hidup.

Dalam dekad 1970an penglibatan orang Melayu dalam berbagai pekerjaan menjadi semakin nyata. Jadual 2 misalnya menunjukkan kedudukan orang Melayu dalam berbagai jenis pekerjaan. Implikasi jadual tersebut menyakinkan lagi tentang bahawa semakin ramai orang Melayu meninggalkan kampung asal untuk bekerja di bandar (jika dibandingkan dengan keadaan dalam beberapa dekad dahulu).

---

<sup>1</sup> Perkara ini telah dibincangkan dengan lebih mendalam lagi di tempat-tempat lain. Lihat Abdul Samad Hadi (1982).





Rajah 3: Jenis Mobiliti Di Tiga Kampung, Kuala Pilah (1978).

Jadual 2

Tenagakerja Melayu Menurut Pekerjaan  
Semenanjung Malaysia, 1978

Pekerjaan	Melayu (000)	Jumlah (000)	% Melayu Ke Jumlah
Profesional dan Teknik	116.3	219.2	53.1
Pentadbiran dan Pengurusan	16.4	49.8	49.8
Pengkeranian	119.3	255.9	46.6
Penjualan	113.2	394.3	28.7
Perkhidmatan	154.8	313.0	49.5
Pertanian	1031.2	1524.4	67.6
Pengeluaran, Pengangkutan dll.	442.6	1066.3	41.5
Jumlah (000)	1993.8	3822.9	52.15

Sumber: Malaysia, Mid-Term Review, Third Malaysia  
Plan, 1976-1980, p. 49.

Pola-pola pengaliran yang dapat ditunjukkan oleh maklumat di atas tidak dapat membayangkan betapa kompleksnya pola mobiliti masyarakat Melayu Negri Sembilan sebenarnya samada dipuluhan tahun dahulu ataupun sekarang. Bagi mendapatkan gambaran sebenar itu satu kajian mikro diperlukan dengan menggunakan konsep, kaedah dan strategi yang bebas dari kongkongan konsep-konsep perpindahan yang digunakan terdahulu dari ini (Abdul Samad, 1982). Menggunakan istilah-istilah masyarakat kampung itu sendiri berkaitan dengan tentang berbagai bentuk pengaliran kita dapat meneliti beberapa pola pengaliran yang belum pernah dilihat dalam banci. Bentuk-bentuk utama ditunjukkan dalam Rajah 3 di mana bilangan orang kampung yang telah keluar dari kampung merupakan kumpulan terbesar. Ada dua kandungan besar kumpulan ini. Pertama mereka yang berpindah. Dari kaca mata penduduk kampung-kampung itu 'pindah' melibatkan pengaliran satu hala dan kekal. Di

kampung-kampung kajian bilangan yang telah berpindah amat kecil, lebih kurang 9 per 1000 penduduk kampung di Sungai Dua, 13 di Juasseh dan 13 di Ibol. Walaupun pergerakan itu satu hala dan kekal mereka tetap meneruskan hubungan dengan kampung asal.

Kedua, pergi "makan gaji" yang merupakan pola paling utama. Kepada penduduk kampung kajian itu pergi makan gaji melibatkan pergerakan ke tempat-tempat luar kampung asal untuk bekerja dan mereka akan kembali semula kelak ke kampung asal. Dari segi ini ketua-ketua keluarga di kampung-kampung kajian menyamakan konsep 'makan gaji' itu dengan "merantau"<sup>2</sup>. Bentuk pengaliran ini adalah 'circular' (istilah di Indonesianya ialah serkuler) kerana para migren akan melengkap 'circuit' pengalirannya ke kampung asal. Sebahagian besar mereka yang pergi makan gaji dari kampung-kampung kajian boleh didapati di Negri Sembilan dan Selangor. Medan perpindahan adalah luas meliputi keseluruhan Malaysia, negara-negara Asean dan sebilangan kecil di seberang laut. Hampir kesemua yang terlibat dalam pengaliran ini berada dalam kumpulan umur 15-54 tahun terdiri dari lelaki dan perempuan dalam nisbah hampir 50=50. Lebih kurang 94 peratus dikalangan pemakan gaji ini memiliki kelulusan sekolah rendah dan sekolah menengah. Justeru itu mereka hanya diserap dalam pekerjaan seperti pengkeranian, polis, askar, guru, pekerja kilang dan buruh yang kesemuanya bergaji rendah. Selainnya mempunyai kelulusan maktab atau universiti, dan mereka didapati bekerja dalam pekerjaan bergaji lebih baik. Hanya segelintir sahaja diserap oleh swasta.

---

<sup>2</sup> Di Indonesia Hugo (1978) mentakrifkan 'merantau' sebagai perpindahan sementara.

2. "Commuters". Para commuters telah ditakrif oleh Hugo (1978, 128) sebagai orang yang sentiasa, walaupun tidak semestinya setiap hari, berulang alik dari kampung ke tempat mereka bekerja atau bersekolah di bandar. Biasanya mereka tidur di rumah di kampung. Ada dua kandungan commuters di kampung-kampung kajian iaitu anak-anak sekolah dan orang dewasa sebagai pekerja. Justeru itu kumpulan-kumpulan umur commuters terdiri dari golongan di bawah 19 tahun bagi pelajar sekolah dan 20-55 tahun dikalangan pelerja. Pekerja-pekerja itu pula memiliki hanya samada pelajaran sekolah rendah atau paling tinggi pelajaran menengah.

3. Migren Yang Balik Menetap di Kampung.

Migren yang balik menetap di kampung terdiri dari mereka yang telah pergi makan gaji tetapi ketika kajian dijalankan telah kembali 'bersara' di kampung. Mereka ini kebanyakannya berada dalam lingkungan umur lebih dari 45 tahun. Kebanyakan mereka telah bekerja sebagai askar, polis dan sebagainya, dan kelulusan mereka hanya setakat sekolah rendah atau menengah rendah. Bila kembali menetap di kampung orang-orang ini membawa anak-anak mereka yang masih bersekolah. Kerana itu sekumpulan lagi dikalangan migren tersebut terdiri dari anak-anak masih bersekolah.

4. Penetap (stayers)

Kumpulan ini merupakan satu kumpulan mobiliti terpen-

ting di kampung-kampung kajian. Lebih kurang 3 dari 10 orang disetiap kampung terdiri dari penatap. Sebahagian besar dari mereka ialah kanak-kanak yang masih terlalu muda untuk pergi makan gaji. Selainnya terdiri dari isteri-isteri kepada para commuters atau isteri-isteri mereka yang bekerja sebagai askar diperbatasan. Hanya sebilangan kecil lelaki dewasa terdapat menetap di kampung dan hampir kesemua mereka itu tidak bersekolah atau mereka mempunyai pengalaman persekolahan yang rendah. Ada diantara mereka itu merupakan anak lelaki tunggal keluarga-keluarga berada. Mereka terpaksa meraih pendapatan dari harta pusaka kerana desakan ibu-bapa.

Selain dari jenis-jenis utama pengaliran di atas penduduk kampung kajian tersebut juga terlibat dalam berbagai pergerakan lain. Boleh dikatakan semua penduduk di kampung berulang ke tempat bekerja di dalam dan di kampung berhampiran, ke kedai dan pekan untuk membeli belah dan makan angin. Perpindahan berikutan dengan perkahwinan dan perpindahan berkaitan dengan Haji juga dikesani. Bentuk-bentuk pengaliran ini penting juga dari penilaian kesannya ke atas kampung tetapi tidak diperluaskan di sini.

Dari huraian di atas kelihatan bahawa pengaliran penduduk desa di kampung kajian itu amat kompleks. Dapat difikirkan bahawa keadaan di kampung-kampung lain Negri Sembilan juga tidak banyak tersisih dari trend ini. Dari penerangan orang-orang tua di kampung-kampung kajian juga menunjukkan bahawa keadaan pengaliran penduduk dalam dekad-dekad selepas merdeka ini amat kompleks berbanding dengan beberapa dekad lampau.

Mobility Penduduk Semasa Pembangunan; Persepsi Dan Perlakuan Orang Persaorangan Dan Keluarga, Dan Ketidakrataan Pembangunan.

Pola mobiliti penduduk semasa pembangunan yang kompleks dibentuk oleh berbagai keadaan diperingkat mikro sementara keadaan-keadaan tersebut dipengaruhi pula oleh konteks perubahan keseluruhan masyarakat Malaysia. Bahagian ini akan mengemukakan penjelasan kepada bentuk-bentuk mobiliti dan penjelasan itu akan dibuat di kedua-dua peringkat yang disebutkan. Dengan demikian diharapkan bahawa mobiliti penduduk Melayu Negri Sembilan semasa pembangunan akan dapat difahami dengan lebih mendalam. Motivasi orang ramai untuk melibatkan diri dalam pengaliran akan dihalusi dan unsur-unsur subjektif dan objektif yang mempengaruhi pengaliran tersebut juga dianalisa. Selepas itu proses yang mewujudkan ketidakrataan pembangunan diteliti kerana segala motivasi untuk berpindah dan sebagainya dibuat dalam suasana ketidakrataan pembangunan sosio-ekonomi di negara ini.

Untuk memudahkan perbincangan satu rangka kasar penjelasan dibentuk. Diperingkat persaorangan dan keluarga satu model 'membuat keputusan' disusun dengan memasukkan pendapat Wolpert (1965) dan juga Wiseman dan Riseman (1979) tentang proses membuat keputusan. Penulis-penulis ini menyarankan bahawa setiap orang berpotensi untuk berpindah/bergerak dan proses membuat keputusan untuk berbuat demikian berlaku dalam dua paras, pertama keputusan untuk pindah dan kedua, keputusan kemana untuk berpindah. Tumpuan perbincangan di sini adalah ke arah yang pertama sahaja. Secara ringkas, seseorang yang berpotensi untuk berpindah di kampung-kampung Negri Sembilan

telah dilahirkan dan membesar dalam persekitar masyarakat yang mempunyai hubungan kekeluargaan kompleks. Kehidupan harian bertumpu kepada pengeluaran makanan sara diri dan getah secara kecilan. Apabila seseorang itu sudah meningkat ke tahap tertentu dalamedaran hidupan (life cycle) orang tersebut akan mempunyai keperluan baru dan lebih meluas serta kesukaan kepada perkara-perkara yang berlainan dari kedudukan sebelumnya. Diperingkat ini boleh dikatakan yang seseorang itu telah menghadapi persoalan dan persoalan itu perlu diselesaikan. Orang tersebut mungkin akan menilai kebaikan dan keburukan kampungnya dan juga kebaikan dan keburukan tempat-tempat lain. Masaalah-masaalah yang terdapat di kampung itu boleh dianggap sebagai tekanan persekitaran dan orang tadi akan bertindak-balas kepada keadaan di persekitaran itu. Menurut Wolpert lagi orang tersebut akan berpindah apabila tanggapannya terhadap kebaikan dan keburukan kampungnya adalah lebih ketara dari kebaikan dan keburukan di tempat-tempat lain. Disebaliknya pula sekiranya orang tersebut boleh memenuhi keperluannya yang baru itu di kampung itu sendiri maka ia akan terus menetap di kampung atau membuat beberapa penyesuaian kepada persekitaran kampung itu. Jika tidak mungkin ia akan memilih antara pergi makan gaji, bekerja di bandar berhampiran dan berulang alik setiap hari.

Walau bagaimanapun beberapa faktor luaran dalam persekitarannya itu juga mempengaruhi orang itu dalam usaha untuk mencari penyelesaian kepada masalaahnya. Faktor luaran itu terdiri dari kumpulan keadaan fisis, ekonomi dan sosial negeri dan negara.

Maklumat untuk perbincangan bagi rangka penjelasan di atas adalah sukar untuk diperolehi. Kajian-kajian mikro biasanya tidak meneliti perkara-perkara yang telah dikemukakan. Dalam suasana itu bahagian ini akan menggunakan maklumat yang telah dikumpulkan oleh penulis dalam kajiannya tahun 1978. Maklumat tersebut adalah lama sedikit tetapi ia masih boleh digunakan sebagai contoh tentang trend perhitungan seseorang yang berpotensi untuk berpindah dari kampung.

#### Orang Berpotensi Untuk Berpindah Dan Perubahan Edaran Hidup

Sebagaimana yang telah dinyatakan orang yang merancang hendak berpindah itu sudah mengalami perubahan dalam edaran hidupnya. Ramai pengkaji telah cuba menentukan tahap-tahap dalam edaran hidup seseorang dan kesemuanya diasaskan kepada edaran hidup orang dalam masyarakat Barat. Satu susunan umum tahap-tahap dalam edaran hidup itu ditunjukkan dalam Jadual 3. Di kampung-kampung Negri Sembilan mungkin perubahan-perubahan edaran itu juga kebanyakannya akan menghasilkan pengaliran penduduk. Tahap-tahap dalam fasa pertama itu didapati berpengaruh dikalangan mereka yang meninggalkan kampung halaman di Negri Sembilan. Mereka yang pergi makan gaji dan berulang alik setiap hari itu terdiri dari anak-anak muda dan dewasa dalam lingkungan umur masih bekerja manakala mereka yang pulang menetap di kampung termasuk orang-orang dalam lingkungan umur lebih dari 40 tahun. Ciri-ciri migran, commuters dan migran yang balik ke kampung itu menunjukkan hubungan dengan perubahan edaran hidup tadi. Dari segi pendapat Wolpert di tahap-tahap tersebut orang-orang kampung yang terlibat dalam mana-mana bentuk pengaliran



Jadual 3

Tahap-Tahap Edaran Hidup Yang Menggalakkan  
Perpindahan Dalam Penduduk

- |       |   |
|-------|---|
|       | A. Fasa Kebebasan                             |
| Tahap | 1. Tamat Persekolahan Menengah                |
|       | 2. Tamat Pelajaran tinggi.                    |
|       | 3. Selesai kursus kemahiran                   |
|       | B. Fasa Pembentukan Keluarga                  |
| Tahap | 4. Perkahwinan                                |
|       | 5. Kelahiran Anak Pertama                     |
|       | 6. Kelahiran Anak penyudahan                  |
|       | 7. Anak pertama meningkat ke sekolah menengah |
|       | C. Fasa Perombakan Keluarga Asal              |
| Tahap | 8. Anak bongsu keluar meninggalkan keluarga   |
|       | 9. Ayah bersara                               |
|       | 10. Kematian ibu/bapa                         |
- 

Sumber: Rowland (1979, 101).

dianggap telah mengalami perubahan tentang keperluan mereka.

Berbagai cara mengatasi keperluan itu dilakukan dengan mengambil kira strategi-strategi yang telah difikirkan atau dilihat boleh berlaku.

Sebab-sebab Pergi Makan Gaji, Berulang Alik Dan  
Kembali Menetap di kampung

Sebahagian dari motivasi bagi pengaliran akan dapat diamati sekiranya perhatian ditumpukan kepada sebab-sebab orang berpindah, merantau dan seterusnya. Dikalangan mereka yang pergi makan gaji sebab utama mereka berbuat demikian tertumpu kepada

"mencari pekerjaan", mendapatkan rezeki dan untuk menampung kehidupan harian. Seterusnya keadaan di kampung tidak memberikan jaminan untuk mendapatkan upah yang berterusan sebagai jaminan untuk terus hidup selesa. Pola jawapan tersebut diulangi apabila migran di bandar-bandar yang datang dari kampung kajian itu dituruti dan ditemubual. Dikalangan wanita sebahagian besar meninggalkan kampung mengikuti suami. Di kalangan mereka yang berulang alik pula, faktor ekonomi juga menjadi penggerak utama untuk mereka berbuat demikian. Mereka menekankan bahawa tempat bekerja yang berhampiran dengan kampung asal, kos di bandar lebih tinggi berbanding dengan kos di kampung sekiranya mereka hendak menetap di bandar dan ahli-ahli keluarga dapat menjalankan berbagai kegiatan di kampung menjadi pertimbangan utama untuk mereka terus berulang alik. Di kalangan mereka yang kembali menetap di kampung faktor ekonomi juga mendorong mereka berbuat demikian. Persaraan yang rendah dan pilihan pekerjaan lain yang terhad memerlukan mereka menetap di kampung semula kerana sekecil-kecil pension boleh digunakan seluas mungkin di kampung. Disamping itu mereka dapat bergiat dalam berbagai pekerjaan kampung.

Perlu ditekankan bahawa pertanyaan tentang sebab-sebab berpindah dan sebagainya mempunyai masaalah yang harus diawasi supaya rumusan kita tentang peranan faktor ekonomi itu tidak diterima sebulat-bulatnya terus. Pada kebiasaannya, pertanyaan tentang sebab berpindah dan lain-lain menggalakkan orang memberikan sebab "terakhir" yang mendorong mereka berpindah. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa sebelum sebab "terakhir" itu timbul mungkin sudah berlonggok berbagai tekanan dan dorongan yang tidak dapat diselami. Sekiranya satu-satu kajian mementingkan hanya sebab orang berpindah

dan lain-lain. Walau bagaimanapun dalam perbincangan ini kes di atas sekurang-kurangnya telah dapat membayangkan tentang kewujudan faktor utama dalam menggerakkan perpindahan dan lain-lain supaya faktor ekonomi yang diketengahkan oleh pelakuan dalam kajian ini dapat difahami sebagai kebenaran dalam kehidupan yang dilahirkan dan bukannya sebab yang telah dirasionalkan maka perlu kita meneliti pandangan keluarga di kampung terhadap perkara-perkara yang lebih mendalam lagi.

#### Tanggapan Keluarga Tentang Kelebihan Dan Kekurangan Kehidupan Kampung

Menurut Wolpert (1965, 161) perpindahan berlaku bukan semata-mata kerana suasana objektif ekonomi. Tanggapan ketua keluarga tentang kelebihan dan kekurangan kehidupan kampung akan menunjukkan suasana subjektif yang juga mungkin berpengaruh terhadap perpindahan. (Bagaimanapun harus diperhatikan bahawa tanggapan tentang kelebihan kehidupan kampung itu bukan bermakna yang orang-orang kampung mahu terus tinggal kekal di kampung dan sebaliknya tanggapan tentang kekurangan tinggal di kampung itu bukannya pula pernyataan untuk meninggalkan kampung). Dalam keadaan ini penduduk kampung di Negri Sembilan itu tidaklah sentiasa mengalih tempat kediaman sebagaimana model lain seperti "tarikan-tolakan" (the pull-push model) boleh membayangkan kepada kita.

Ketua keluarga ditiga kampung kajian Kuala Pilah (Abdul Samad Hadi, 1981) seramai 201 orang telah menyenaraikan kelebihan dan kekurangan kehidupan kampung. Kelebihan kehidupan kampung menumpu kepada perkara seperti "selesa", "murah" dan "lebih tenang".

Kekurangan kehidupan kampung pula meliputi lebih banyak perkara. Sebahagian besar terdiri dari faktor ekonomi seperti "tiada pekerjaan untuk menampung kesemua orang dewasa", "kerja kampung mempunyai berbagai ketidakpastian, terutamanya tentang persoalan pendapatan tetap dan peningkatan pengeluaran hasil. Kerja-kerja kampung ditanggap sebagai satu kegiatan tanpa masa hadapan, tanpa imbuhan selepas bersara dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan pekerjaan di bandar. Kehidupan di kampung juga sekian menjadi sunyi dan tidak bertenaga. Pemergian anak-anak muda dari kampung menjadikan banyak kerja-kerja kampung terbengkalai.

#### Tanggapan Kelebihan Dan Kekurangan Kehidupan Di Bandar

Kelebihan bandar pula menumpu kepada faktor-faktor sosio-ekonomi. Sesebuah bandar mempunyai berbagai jenis industri, gedung perniagaan dan kemudahan-kemudahan kesihatan, pelajaran, kebudayaan dan lain-lain. Kesemua yang disenaraikan ini merupakan faktor yang bersetentangan dengan faktor kekurangan kehidupan kampung.

Kekurangan kehidupan di bandar pula juga menyentuh aspek-aspek ekonomi. Taraf kehidupan bandar adalah tinggi dan kos kehidupan harian adalah mahal. Bandar juga menampung berbagai masalah sosial yang timbul dari jumlah penduduk padat dan ramai.

Apabila diteliti tentang kelebihan bandar perkara-perkara yang disebutkan itu adalah lebih banyak dari kekurangan kehidupan di bandar. Dari senarai faktor-faktor tentang kelebihan kehidupan kampung dan bandar, dan kekurangan kehidupan kampung dan bandar ternyata

bahawa kelebihan kehidupan kampung dan kekurangan kehidupan bandar terdiri dari perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai faktor pinggiran dan menumpu kepada perkara berkaitan dengan sosial dan kebudayaan. Terus kepada kelebihan kehidupan bandar dan kekurangan kehidupan di kampung ialah perkara-perkara berkaitan dengan ekonomi, khususnya pekerjaan, rezeki, wang dan sebagainya. Justeru itu tanggapan ketua keluarga juga menumpu kepada pola yang serupa dengan pola jawapan tentang persoalan "mengapa berpindah, berulang alik dan berpindah balik ke kampung yang telah dinyatakan terelbih awal.

#### Tekanan Persekitaran Kampung

Tanggapan tentang kekurangan kehidupan kampung di atas menggambarkan kewujudan tekanan persekitaran. Telah dinyatakan lebih awal bahawa kerja-kerja kampung melibatkan berbagai jenis kegiatan yang memerlukan masa panjang, tanpa cuti dan tanpa hari tertentu. Tetapi apa sahaja yang diusahakan biasanya hanya memadai untuk memenuhi keperluan keluarga. Secara ringkas kegiatan kampung memberikan hasil setakat cukup makan sahaja. Keadaan ini merupakan satu tekanan kepada kesejahteraan kehidupan kampung.

Tekanan kehidupan kampung juga berpunca dari kekurangan tanah. Tanah merupakan satu hakmilik asas bagi kaum tani. Di kampung-kampung kajian bukan sahaja purata saiz tanah milikan adalah kecil ( 2 hectares) tanah tersebut juga merupakan tanah pusaka milikan bersama kesemua ahli keluarga. Lebih penting dari itu terdapat keluarga-keluarga (walaupun kecil 1%) yang tidak mempunyai tanah pertanian dan kampung. Lantaran dari itu mereka terpaksa menyewa

rumah dan tanah.

Masalah lain yang berkaitan di kampung menumpu kepada ketidakpastian persekitaran fizis dari segi pertanian. Murut ahli kaji iklim sebahagian besar kampung-kampung Negri Sembilan berada dalam kawasan lindungan angin. Justeru itu hujan adalah sedikit berbanding dengan tempat-tempat lain. Tambahan lagi kegiatan pembalakan telah menggalakkan hakisan. Sungai menjadi tohor dan air sungai didapati semakin berkurangan berikutan dengan pengaliran permukaan yang meningkat tinggi. Banyak sawah padi telah menjadi terbiar disebabkan kerana keadaan ini<sup>3</sup>.

Secara ringkas kehidupan kampung menunjukkan satu 'syndrome' serba kekurangan.

#### Penyesuaian Kepada Tekanan Persekitaran

Menurut Wolpert lagi tekanan persekitaran itu juga memberatkan persoalan yang dihadapi oleh 'seorang' itu. Sungguhpun begitu tekanan itu tidak semestinya menolak mereka berpindah.

Satu cara bagi orang kampung mengurangkan tekanan ialah membuat penyesuaian di kampung itu. Mereka yang membuat penyesuaian tersebut terdiri dari wanita dan juga beberapa lelaki yang belum pernah berpindah walaupun umurnya sudah meningkat ke umur pertengahan. Mereka itu boleh dikelaskan sebagai penatap, 'stayer' iaitu mereka

---

<sup>3</sup> Tanah menjadi terbiar kerana kekurangan buruh. Jadi terdapat satu pusingan ganas tanah terbiar-kekurangan air-kekurangan buruh.

telah menanggukkan pemergian mereka keluar kampung. Kumpulan penetap ini terus dapat kekal di kampung menjalankan berbagai kegiatan. Mereka bekerja dengan tekunnya di kampung itu-menanam padi untuk makanan, menoreh getah untuk wang dan membuat berbagai kerja untuk upah di antara masa-masa bertanam padi dan menoreh getah.

Satu cara lagi bagaimana penyesuaian itu dapat dilakukan ialah menerusi perkongsian tanah pusaka untuk pertanian dan sebagainya. Bagi mereka yang tidak bertanah pula mereka boleh menyewa tanah dengan perjanjian tertentu. Bagi sawah padi kerap didapati dalam keadaan kekurangan tenaga kerja tuan tanah mengambil hasil 1 bahagian sementara pekerja 3 bahagian. Sistem bahagi dua kerap dijalankan untuk getah. Terdapat juga keadaan dimana tuan tanah yang mewah memberikan sahaja tanahnya untuk diusahakan oleh mereka tanpa tanah dan miskin. Biasanya orang yang mengusahakan tanah itu akan memberi sebahagian dari hasilnya tanpa apa-apa susunan pembahagian.

#### Penyesuaian Di tempat-tempat Di luar Kampung

Sekumpulan kecil orang dewasa di kampung kajian berulang alik setiap hari dari kampung menuju ke pekan berhampiran untuk bekerja dalam sektor kerajaan, kilang dan sebilangan kecil dalam perniagaan swasta. Mereka yang terlibat menggunakan 'berulang-alik' sebagai satu strategi bagi mendapatkan kerja-kerja bergaji tetap tetapi tidak mahu terus berpindah dari kampung.

## Keadaan Objektif Dalam Mempengaruhi Membuat Keputusan Untuk Berpindah

Sambil keadaan-keadaan subjektif telah mempengaruhi seseorang kampung samada untuk berpindah atau tinggal kekal di kampung terdapat keadaan-keadaan sekitaran lain turut mempengaruhi orang itu. Keadaan tersebut boleh dikumpulkan kedalam tiga paras (Germani, 1965). Pertama paras objektif, kedua paras normative dan paras psycho-sosial.

Kumpulkan keadaan diperingkat objektif itu merangkumi faktor-faktor "tarikan dan tolakan" satu-satu tempat, dan keadaan-keadaan teknologi pengangkutan. Kesemuanya ini membolehkan atau tidak membolehkan orang-orang kampung memilih strategi tertentu berikutan dengan peningkatan tekanan kepadanya semasa di kampung. Jalan pengangkutan di Negri Sembilan khususnya dan di Semenanjung Malaysia amnya telah dibangunkan oleh pihak kolonial untuk mengawasi pelaburan mereka di dalam perlombongan dan pertanian. Leinbach (1974) telah menganalisis perkembangan dan keadaan jalan-jalan di Semenanjung Malaysia. Secara ringkas kesampaian antara tempat-tempat di Semenanjung didapati telah meningkat kerana jalan-jalan yang berturap dan boleh dilalui disemua musim telah diperluaskan. Kos perjalanan masih lagi rendah dan mod pengangkutan pun adalah berbagai-bagai. Dalam tahun 1978 dari kampung di sekitar bandar Kuala Pilah, misalnya seseorang memerlukan hanya 2-3 jam sahaja untuk sampai ke Kuala Lumpur dengan bas dan tambangnya hanya \$3.00. Pembinaan jalan-jalan utama dan pembaikan keadaan jalan yang ada meningkatkan lagi kesampaian ini.



Dari segi kesejahteraan kawasan, kajian-kajian telah menunjukkan bahawa perbezaan adalah nyata sekali antara bandar dan kampung. Lembah Kelang dalam ruang ekonomi negara berkembang terus berbanding dengan kampung-kampung di Negri Sembilan. Sementara pekan-pekan di Negri Sembilan pula adalah lebih maju dari kampung-kampung diperdalaman masing-masing. Keadaan ini juga turut mempengaruhi arah pengaliran.

Satu keadaan lain ialah peningkatan taraf pelajaran orang-orang desa dalam dekad-dekad selepas merdeka. Keadaan ini membaiki kesempaian gulungan bumiputra kepada pekerjaan bandar. Kesempaian yang sekian meningkat ini dibantu dengan meluasnya oleh polisi-polisi kerajaan yang berhasrat untuk memperbaiki ketidakseimbangan kaum dan kawasan di Malayasia.

Keadaan objektif di atas tidak dapat mempengaruhi penduduk desa secara bersendirian. Apa yang dijangkakan serta galakan atau halangan oleh keluarga dan masyarakat juga amat berpengaruh dalam menentukan mobiliti penduduk. Keluarga di kampung-kampung sebagaimana yang diperhatikan di tiga kampung kajian itu terutamanya anak laki-laki tidak menentang anak-anak muda mereka untuk terus keluar makan gaji. Mereka juga tidak dapat menyekat anak-anak perempuan mereka turut serta untuk pergi makan gaji. Tetapi biasanya keluarga-keluarga di kampung itu akan cuba menentukan tempat anak-anak perempuan itu tinggal di bandar supaya kesejahteraan mereka sentiasa terjamin. Sanak saudara di bandar atau keluarga dari kampung yang sama akan menjadi tumpuan mereka di bandar.

Keadaan diperingkat normative ini akan dapat difahami lagi sekiranya reaksi keluarga dan masyarakat ini dikaitkan dengan adat perpatih. Ada dua perkara tentang adat itu yang relevan kepada motivasi perpindahan. Pertama, dalam sistem adat perpatih harta pusaka biasanya diberikan kepada anak perempuan walaupun anak lelaki diberi tanggungjawab untuk mentadbirkannya. Anak lelaki dikatakan kurang selesa untuk terus menetap di tanah pusaka keluarga. Kedua, institusi merantau yang diterima dan diberi galakan oleh masyarakat. Mokhzani (1960) dalam analisisnya tentang pandangan dan tanggapan penulis-penulis Menangkabau Sumatra terhadap masyarakatnya menunjukkan bahawa orang-orang di kampung-kampung Sumatra Barat mempunyai kemungkinan terhad untuk meningkat dalam kehidupannya. Orang-orang muda biasanya meninggalkan surau untuk berumahtangga, pergi ke sekolah agama atau bekerja. Masyarakat itu telah menerima "pergi merantau" sebagai satu institusi yang boleh menjadi pilihan kepada kemungkinan untuk terus tinggal menetap di kampung. Dalam institusi ini orang lelaki bila dewasa dijangka akan meninggalkan kampung halaman menuju ke kawasan lain untuk mendapatkan pengalaman dan meluaskan pandangan. Anak muda juga pergi merantau untuk mendapatkan penghormatan kerana masyarakat desa menerima pemergian ke rantau itu sebagai satu cara untuk membaiki kedudukannya dalam masyarakat supaya mereka boleh diterima sebagai suami gadis desa. Menurut Mokhzani lagi penerimaan tersebut mungkin merupakan satu penghargaan masyarakat terhadap kejayaan. Jadi kegigihan bekerja dalam masyarakat ini membawa kejayaan kepada seseorang dan seterusnya orang itu mendapat ganjaran dalam bentuk penghargaan masyarakat.

Masyarakat desa Negri Sembilan dikatakan oleh beberapa pengkaji tidak mengikut adat dengan kukuhnya. Bagaimanapun sedikit sebanyak adat ini telah dapat mempengaruhi pandangan anak-anak muda kampung tentang hubungannya dengan kampung.

Paras ketiga dalam skema Germani itu ialah paras sosio-psikologi. Paras ini merujuk kepada ciri-ciri individu dan ia adalah paling sukar untuk dianalisis. Dari kajian-kajian Mokhzani tadi dan Swift (1971) mungkin dapat disarankan bahawa orang Melayu Negri Sembilan telah lama menganuti pandangan selesa terhadap merempuh 'bahaya' dalam konteks pergi merantau. Bahaya yang ditempuh itu dapat diatasi dengan restu keluarga dan sanak saudara dan juga dengan adanya kemungkinan untuk mendapatkan penghargaan dari keluarga dan masyarakat.

#### Peranan Maklumat

Maklumat juga memainkan peranan dalam skema Wolpert kerana tanpa maklumat mungkin pengaliran itu tidak dapat berlaku. Penilaian satu-satu tempat, misalnya, tentang kemungkinan untuk mendapatkan pekerjaan hanya dapat dibuat setelah maklumat tentang tempat-tempat dapat dikumpulkan dan dinilai. Diperingkat kampung Negri Sembilan maklumat tentang bandar dan tempat-tempat lain diperolehi menerusi media massa dan tidak kurang juga dari sanak saudara di bandar. Malahan sumber kedua itu merupakan sumber yang lebih berkesan dari segi memenuhi keperluan mereka. Maklumat tentang kekosongan pekerjaan di swasta dan lain-lain biasanya diperolehi menerusi sanak saudara. (kerana ini terdapat perkelompokan pekerja dari satu-satu kampung dalam satu-satu pekerjaan).

Banjaran sumber maklumat meliputi lawatan persendirian, saudara mara didestinasikan, surat khabar, radio dan T.V dan surat menyurat.

Secara umum penduduk ketiga kampung kajian itu memahami dan mengetahui tentang keadaan di tempat-tempat pilihan lain. Walaupun penilaian tempat-tempat itu tidak dibuat secara terperinci sebagaimana yang dicadangkan oleh skema Wolpert.

#### Rumusan Faktor Diperingkat Individu

Keadaan-keadaan yang mempengaruhi seseorang individu itu untuk memilih samada berpindah, berulang alik atau pergi makan gaji adalah kompleks. Apa yang dapat dikemukakan di atas menerusi model perlakuan Wolpert hanya garis-garis kasar proses yang mungkin telah mempengaruhi seseorang bila membuat keputusan. Faktor-faktor subjektif dilihat dalam rangka hubungannya dengan faktor-faktor objektif. Bagaimanapun ada beberapa perkara dari faktor yang berbagai itu yang dapat disorot untuk diketengahkan, iaitu;

1. Kampung-kampung "lama" di Negri Sembilan mengalami serba kekurangan. Keadaan ini dapat dirasai oleh individu dan juga oleh keluarga-keluarga mereka. Sementara itu bandar dan kampung-kampung "baru" mempunyai berbagai kelebihan.
2. Ternyata kewujudan ketidakseimbangan pembangunan diruang ekonomi negara.

Dalam keadaan ini tanggapan dan pandangan individu dan keluarga orang Melayu di kampung Negri Sembilan itu boleh dikatakan

telah dapat membayangkan suasana pembangunan masyarakat negara yang lebih meluas. Untuk memahami suasana ini perhatian perlu diberikan kepada 'konteks' dalam mana keputusan untuk berpindah, dan justeru itu penjelasan tentang berlakunya mobiliti dibuat.

#### Konteks Untuk Mobiliti Orang Melayu Negri Sembilan

Desa yang mempunyai 'syndrome serba kekurangan' dan bandar pula tempat-tempat yang memberikan berbagai kemungkinan menunjukkan proses perubahan masyarakat Malaysia yang tidak seimbang. Perubahan itu sudah mula berlaku sejak penaklukan oleh penjajah Inggeris dalam kurun ke 19 dahulu lagi. Segala perhitungan yang dibuat diperingkat perseorangan dan keluarga di atas tadi dibuat dalam konteks perubahan tersebut. Jadi pengaliran penduduk di Negri Sembilan di zaman pembangunan ini juga berpunca dari pembangunan yang tidakseimbang. Ketidakseimbangan antara kawasan-kawasan tersebut telah dihasilkan oleh proses pembangunan jajahan taaluk kolonial Inggeris dan seterusnya oleh struktur dalaman masyarakat Melayu amnya dan Melayu Negri Sembilan khususnya.

Secara ringkasnya kolonial Inggeris telah melabur di negara ini supaya negara mengkhusus kepada pengeluaran getah dan bijih timah bagi memenuhi keperluan industri di England. Orang Melayu Negri Sembilan khususnya melibatkan diri dalam penanaman getah terutamanya dan mereka tidak mempunyai kawalan ke atas sumberalam tersebut bagi mendapatkan jaminan lebih berkesan kearah kesejahteraan mereka sendiri. Negara ini dieksploitasi sepenuhnya dan keadaan itu terus menekan pembangunan. Modal kolonial juga telah membuka kawasan "moden" bandar yang bertugas sebagai pusat pengumpul hasil

dari perdalaman dan pentadbiran. Kawasan moden itu terus berkembang maju. Keperluan buruh dipenuhi dengan membawa buruh Cina untuk perlombongan dan buruh India untuk estet getah. Petani Melayu terus tinggal sebagai masyarakat pinggiran kepada ekonomi kawasan moden tadi. Polisi pentadbiran kolonial yang bersifat "bahagi-bahagi dan ditadbir" (divide and rule), polisi tanah yang menggalakkan milikan tanah persendirian, dan polisi pelajaran yang terus menggalakkan anak petani Melayu tinggal kekal di kampung telah meletakkan petani Melayu dalam keadaan miskin. Dibalikannya para elit Melayu mendapat layanan istimewa dan gaya hdiup mereka telah dapat terus mengakalkan kepentingan kolonialisma.

Selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1957 ketidakseimbangan ruang dan struktur masih lagi berterusan. Kerajaan yang baru merdeka itu telah berhadapan dengan masaalah tersebut dan berusaha untuk memulihkan keadaan. Usaha pembangunan di tahun-tahun awalan selepas merdeka menerusi polisi pembangunan luar bandar dan perindustrian gantian impot tidak dapat menyelesaikan masaalah ketidakseimbangan dengan memuaskan. Bagaimanapun langkah-langkah untuk membaiki ketidakseimbangan kaum mula dijalankan. Orang Melayu diberi kemudahan untuk mendapatkan pelajaran hingga keperingkat universiti dan kesempaan mereka kepada berbagai paras pekerjaan telah diperluaskan.

Kegiatan dalam usaha pemuliharaan tersebut dipertingkatkan lagi tanpa tolak ansur selepas peristiharaan Dasar Ekonomi Baru pada 1970. Dasar ini mempunyai dua tujuan penting, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Kerajaan berusaha untuk meningkatkan kemewahan negara supaya dasar

itu dapat dilaksanakan sepenuhnya. Rancangan pembangunan luar bandar ditukar kepada rancangan pembangunan kawasan. Dalam masa yang sama sektor perindustrian buatan untuk eksport dipertingkatkan. Kawasan perindustrian dan estet industri telah disebarakan turun kepada daerah dan bandar-bandar kecil dalam hirarki petempatan bandar. Orang Melayu juga diberikan kesempaan kepada paras atas pekerjaan dalam sektor kerajaan dan swasta.

Dalam keadaan yang telah disebutkan orang Melayu Negri Sembilan boleh membuat keputusan dan sambil itu keadaan serta keseluruhan perubahan sosial negara telah membolehkan mereka terus tinggal menetap di kampung, pergi makan gaji terus berpindah dan balik menetap di kampung semula selepas itu.

Kuraian ringkas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan berbagai bentuk mobiliti di atas telah menwujudkan betapa kompleks keseluruhan proses yang membentuk mobiliti penduduk Melayu di Negri Sembilan dizaman pembangunan ini. Dengan menggunakan satu rangka penjelasan yang lebih terperinci seperti di atas dirasakan fahaman kita tentang proses perpindahan, berulang alik dan perpindahan balik ke kampung itu dapat dipertingkatkan. Tanggapan dan perlakuan diperingkat perseorangan dapat diperhatikan dan perlakuan dapat pula dilihat dalam keadaan dan pandangan keluarga di kampung. Apa yang dilahirkan oleh individu itu telah dapat membayangkan keadaan-keadaan persekitar, dan tanggapan orang-orang kampung itu tidak tersisih jauh dari suasana perubahan yang dialami oleh negara.

## Kesimpulan

Orang Melayu Negri Sembilan telah menunjukkan pola pengaliran yang berbagai, banjarannya meliputi "pindah" hingga ke pindah balik ke kampung semula. Kekompleksan pola tersebut tidak akan dapat diselami sekiranya penelitian pengaliran penduduk itu terus dibuat diperingkat makro dengan menggunakan maklumat dipetik dari banci penduduk. Bukan sahaja tujuan banci penduduk itu berbeza dari tujuan kajian konsep dan kaedah pengutipan maklumat juga diarahkan kematlamat yang berbeza.

Pola mobiliti itu boleh difahami dengan mendalam sekiranya proses yang membentuknya cuba dijelaskan menerusi peringkat perseorangan, keluarga dan juga pada peringkat lebih umum. Sungguhpun begitu terdapat unsur terpenting yang menjadi teras untuk menyatukan kesemua peringkat pemerhatian penjelasan tersebut. Unsur tersebut merujuk kepada ketidakseimbangan kesejahteraan kehidupan orang-orang yang berlaku bukan sahaja diperingkat perseorangan tetapi juga diperingkat kawasan dan negara. Ketidakseimbangan itu berpunca dari kemasukan kapitalisma bermula dari pemerintahan kolonialisma. Perubahan yang berlaku dikalangan masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia, pada keseluruhannya, telah membentuk pola-pola pengaliran yang berbagai.

Implikasi kertas ini boleh dikemukakan secara ringkas menerusi dua bahagian. Pertama, implikasi dari segi pembangunan teori dan kaedah kajian. Huraian tentang "pola dan proses" diatas memerlukan pengkonsepsian kajian yang lebih menitik beratkan



## BIBLIOGRAPHY

- Wahab Alwee (1965), 'Integration and Conflict: A Study of a Matrilineal Village in Transition'; Unpub. B.A. (Hons.) Dissertation, University of Western Australia, Perth.
- Samir Amin, ed., (1974), Modern Migration in Western Africa, London, Oxford University Press.
- Anand, S. (1977), 'Aspects of Poverty in Malaysia', Review of Income and Wealth, Ser. 23, pp. 1 - 16.
- Ungku Abdul Aziz (1964), 'Poverty and Rural Development in Malaysia', Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 1, No. 1, pp. 70 - 96.
- Jamilah Ariffin, (1980), 'Female Labour Migration to Urban-Based Factories in Malaysia and Malay Women's Participation in the Labour Force, An Analysis of the Changing Trends and Patterns', Unpublished paper presented at the 11th Summer Seminar Workshop on 'Analysis of Female Migration, June, 1980, East-West Center, Honolulu.
- Shamsul Amri Baharuddin (1979), 'The Development of the Underdevelopment of the Malaysian Peasantry', Journal of Contemporary Asia, Vol. 9, No. 4, pp. 434 - 454.
- Bedford, R.D. (1973), New Hebridean Mobility: A Study of Circular Migration, Dept. of Human Geography Publication HG/9, Australian National University, Canberra.
- \_\_\_\_\_ (1980), 'Overview of Recent Research on the Variety and Forms of Population Mobility in Relation to Development Goals: The Case of Circulation, Paper Prepared for Development Studies Centre Seminar Series on Population Mobility and Development, Canberra, Australian National University, (Mimeo).
- Bock, J.C. (1970), 'Education and Nation Building in Malaysia: A Study of Institutional Effect in 34 Secondary Schools, 'Unpublished Ph.D. Thesis, Stanford University California, Micro-film.
- Chan, P. (1980), 'Evaluation of Migration-related Policies in Peninsular Malaysia', a paper presented to the 1980 Development Studies Centre Conference 'Population Mobility and Development', 8 - 10 October, 1980, Canberra, Australian National University, (Mimeo.).
- Chapman, M. (1969), 'A Population Study in South Guadalcanal: Some Results and Implications', Oceania, 40, pp. 119 - 147.

perhitungan penjelasan dari hanya huraian. Rangka penjelasan itu seharusnya meliputi keseluruhan realiti dalam mana masyarakat itu berada. Kedua, implikasi dari segi polisinya. Maklumat terperinci tentang pola mobiliti dan proses yang membentuknya berguna pada perancangan sosial terutama dalam perhitungan penaburan semula penduduk dan tenaga kerja dalam zaman pembangunan. Pemahaman tentang prosesnya akan membolehkan pembentukan polisi penaburan semula penduduk yang berkesan dapat dibentuk.

- \_\_\_\_\_. (1979), 'The Cross Cultural Study of Circulation',  
Current Anthropology, Vol. 20, No. 1, pp. 111 - 114.
- Connell, J., et al (1976), Migration from Rural Areas. The Evidence from Village Studies, New Delhi, Oxford University Press.
- De Jong, P.E. Josselin (1952), Minangkabau and Negri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia, Leiden.
- Federated Malay States (1949), Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Negeri Sembilan for the Year 1936, Kuala Lumpur, Govt. Printer.
- \_\_\_\_\_. (1950), Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Negri Sembilan for the Year 1949, Compiled by the Hon. Dato Abdul Malek b. Yusuf, Kuala Lumpur, Govt. Printer.
- Felda (1971), Annual Report for 1970, Kuala Lumpur, Felda.
- Forbes, D. (1980), 'Mobility and Uneven Development in Indonesia: A Review and Comment on Explanations of Migration and Circular Migration', Paper prepared for the Development Studies Centre Seminar Series on Population Mobility and Development, Canberra, Australian National University, (Mimeo.).
- Furnivall, J.S., (1948), Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India New York, University Press.
- Ginburg, N.E. (1973), 'From Colonialism to National Development: Geographical Prospectives on Patterns and Policies', Annals Association American Geographers, Vol. 63, pp. 1 - 21.
- Goldstein, S. (1978), Circulation in the Context of Total Mobility in Southeast Asia, Paper of the East-West Population Institute, No. 53, (Mimeo.).
- Gosling, L.A.P. (1963), 'Migratory Agricultural Labour in Malayan Padi Production', Proceedings, 9th Pacific Science Congress, Anthropology and Social Sciences, Vol. 3, pp. 185 - 186.
- Gullick, J.M. (1958), Indigenous Political Systems of Western Malaya, London.
- Abdul Samad Hadi, 1981, 'Population Mobility in Negri Sembilan Peninsular Malaysia', Unpub. Ph. D. Thesis, Flinders University of South Australia. Dept. of Geography.

- Rajimah Hasan (1976), 'Pola-pola Migrasi Dalam Komuniti Adat Perpatih: Satu Kajian Kes Dengan Referensi Khas Kepada Golongan Wanita di Rembau, Negri Sembilan', Unpublished B.A. (Hons.) Thesis, Dept. of Anthropologi and Sosiologi, UKM, Kuala Lumpur/Bangi.
- Hirschman, C. (1975), Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia, Arnold and Caroline Rose, Monograph Series of the American Sociological Association.
- Hugo, G.J. (1975), 'Population Mobility in West Java, Indonesia', Unpublished Ph. D., Department of Demography, Australian National University, Canberra.
- \_\_\_\_\_ (1978), Population Mobility in West Java, Gajah Mada University Press, Yogyakarta.
- Norhalim bin Hj. Ibrabim (1977), 'Social Change in Rembau', Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 50, No. 2, pp. 136 - 149.
- Abdul Samad bin Idris (1968), Negri Sembilan dan Sejarahnya, Kuala Lumpur.
- Khasnor Bte Johan (1969), 'The Malay College Kuala Kangsar, 1905 - 1941', Unpublished M.A. Thesis, University of Malaya.
- Lewis, D. (1977), 'Rules for Agrarian Change: Negri Sembilan Malays and Agricultural Innovation', Journal of Southeast Asian Studies, Vol. 7, No. 1, pp. 74 - 89.
- Lim Tech Ghee (1977), Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874 - 1941, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Loh, P. (1975), Seeds of Separatism, Educational Policy in Malaya, 1874 - 1940, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Malaysia, (1979), Kajian Sepáruh Penggal, Rancangan Malaysia Ketiga, 1976 - 1980, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan.
- Malaysia, (1981), Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 85, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan.
- McGee, T.G. (1968), 'Malays in Kuala Lumpur City: A Geographical Study of Process of Urbanisation', Unpublished Ph. D. Thesis, Victoria University of Wellington, New Zealand.
- McTaggart, W.D. (1972), 'Industrialisation in West Malaysia 1968', Occasional Paper No. 2, Centre for Asian Studies, Arizona State University.

- Morah, P. (1963), 'The History of the Malayan Police', Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society, Vol. 36, No. 2, pp. 5 - 172.
- Nagata, J.A. (1974), 'Urban Interlude: Some Aspects of Internal Malay Migration in West Malaysia', International Migration Review, Vol. 8, pp. 301 - 324.
- Mochtar Naim (1971), Merantau; Causes and Effects of Minangkabau Voluntary Migration, Occasional Paper, Institute of South East Asian Studies, No. 5, Singapore.
- \_\_\_\_\_ (1976), Peninsular Malaysia, Longmans.
- Pelzer, K.J. (1945), Pioneer Settlement in the Asiatic Tropics, New York, American Geographical Society.
- Mokhzani bin Abdul Rahim (1960), 'Minangkabau Writers' Views of Their Society', B.A. (Hons.) Thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Dol Ramli (1965), 'History of the Malay Regiment 1938 - 1942', Journal Malaysian Branch Royal Asiatic Society, Vol. 38, pp. 199 - 243.
- Roberts, B. (1978), Cities of Peasants; The Political Economy of Urbanisation in the Third World, London, Edward Arnold.
- Kamal Salih (1977), Unbalanced Growth and Persistent Poverty: The Consequences of Unequal Access in Urban and Regional Development, Paper Presented at Colloquium on Rural-Urban Relations and Development Planning in Asia, Nagoya, Japan, (Mimeo.).
- Singhanetra - Renard, A. (1977), Circular Mobility of the Northern Thai Village, East-West Population Institute, Honolulu, (Mimeo.).
- Slater, D. (1978), 'Towards a Politican Economy of Urbanisation in Peripheral Capitalist Societies', International Journal of Urban and Regional Research, Vol. 2, No. 1, pp. 26 - 52.
- Mohd Nordin Suleiman, (1983), 'The Role of Migration and Mobility in Wealth Transfer between Individuals and Their Families in Rengit, Johor', Unpublished B.A. Hons Graduation Exercise, Dept. of Geography, UKM. (in Malay).
- Swift, M.G. (1965), Malay Peasant Society in Jelebu, London School of Economic, Monograph on Social Anthropology, No. 26, University of London, Athlone Press.
- Swindell, K. (1979), 'Labour Migration in Underdeveloped Countries; The Case of Subsaharan Africa', Progress in Human Geography, Vol. 3, No. 2, pp. 239 - 259.

- Tugby, D. (1977), Cultural Change and Identity: Mandailing Immigrants in West Malaysia, Queensland, Queensland University Press.
- Turnbull, C.M. (1977), A History of Singapore 1819 - 1975, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Van Velsen, J. (1960), 'Labour Migration as a Positive Factor in the Continuity of Tonga Tribal Society', Economic Development Cultural Change, Vol. 8, pp. 265 - 278.
- Wilson, P.J. (1967), A Malay Village and Malaysia, New Haven, HRAF Press.
- Wiseman, R.F., & Roseman, C.C. (1979), A Typology of Elderly Migration Based on The Division Making Process, Economic Geography, 55 (4), pp. 324 - 337.
- Wolper & J., (1965), 'Behavioural Aspects of The Decision to Migrate', Regional Science Association Papers, Vol. 15, p. 103.
- Abdul Malik bin Mohd Yatim (1968), 'Mobiliti Tenaga Kerja dari Kampong ke Bandar di Kampong Juasseh', Unpublished B.A. (Hons.). Thesis, Dept. of Malay Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Yip Yat Hong (1967), The Development of the Tin Mining Industry of Malaya, Kuala Lumpur, University of Malaya Press.
- Germani, G. (1965), 'Migration and Acculturation', pp. 159 - 178, in Hauser, P.M., ed., Handbook for Social Research in Urban Areas, New York, UNESCO.
- Leinbach, T.R. (1974), 'The Spread of Transportation and Its Impact upon the Modernisation of Malaya, 1887 - 1911', Journal Tropical Geography, Vol. 39, No. 2, pp. 54 - 62.
- Rowland, D.T. (1977), Patterns of Internal Migration in Australia, Canberra.
- \_\_\_\_\_. (1971), 'Minangkabau and Modernisation', pp. 255 - 267, in Hiatt, L.R. and Jayawadana, C., eds., Anthropology in Oceania, Sydney, Angus and Robertson.